

AKHBAR : Utusan Borneo Sabah
TAJUK UTAMA : Cadangan Hentikan Pembiayaan PTPTN Adalah Tidak Wajar
TARIKH : 1 December 2024
MUKA SURAT : 2
SENTIMEN : Neutral News

Cadangan hentikan pembiayaan PTPTN adalah tidak wajar



ROGER

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Cadangan untuk memberhentikan pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi kursus universiti yang mencatatkan kadar bayaran balik pinjaman kurang daripada 30 peratus agak membimbangkan.

Ketua Pemuda MCA Sabah, Roger Yapp berkata, isu itu tidak boleh dipandang remeh, terutamanya bagi pelajar Sabah, khususnya dari

kawasan pedalaman yang sering kali berhadapan dengan cabaran kewangan yang lebih besar berbanding rakan-rakan mereka di Semenanjung.

“Perlu diakui bahawa Sabah dan Sarawak sering kali terpinggir dalam dasar pendidikan nasional yang tidak mengambil kira perbezaan sosioekonomi antara wilayah-wilayah ini dengan Semenanjung Malaysia.”

“Pendapatan isi rumah di Sabah, terutamanya di kawasan pedalaman, jauh lebih rendah dan oleh itu, akses

kepada pendidikan tinggi menjadi lebih mencabar,” katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata, menghentikan pembiayaan PTPTN hanya akan memburukkan lagi ketidaksamaan ini dan menyekat peluang generasi muda dari Sabah untuk mencapai pendidikan tinggi.

Selain itu katanya, harus difahami bahawa kadar bayaran balik pinjaman yang rendah tidak semestinya mencerminkan ketidakprihatinan peminjam tetapi lebih kepada

keadaan ekonomi yang tidak menentu.

“Ramai graduan menghadapi cabaran mendapatkan pekerjaan yang stabil dan bergaji lumayan dan ini lebih ketara bagi mereka yang berasal dari Sabah.

“Oleh itu, adalah tidak adil untuk menghentikan pembiayaan PTPTN atas dasar ini tanpa melihat kepada punca sebenar masalah itu,” katanya.

Sebagai langkah alternatif, beliau memohon Kerajaan Pusat untuk mempertim-

bangkan cadangan Premier Sarawak yang mencadangkan pendidikan universiti percuma mulai 2026.

Katanya, sekiranya cadangan ini boleh direalisasikan, maka barulah boleh dibincangkan tentang pemansuhan PTPTN.

Namun sehingga itu katanya, PTPTN harus dikekalkan untuk memastikan akses kepada pendidikan tinggi yang adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia, termasuk mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

“Saya juga menyeru Kerajaan Pusat agar lebih peka terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dari Sabah dan memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil tidak hanya berpusatkan kepada kehendak dan situasi di Semenanjung sahaja.

“Pendidikan adalah hak semua rakyat Malaysia dan usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa setiap individu diberikan peluang yang sama rata untuk mencapai kejayaan akademik dan kemajuan diri,” katanya.

Cadangan Hentikan Pembiayaan PTPTN Adalah Tidak Wajar

KOTA KINABALU: Cadangan untuk memberhentikan pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi kursus universiti yang mencatatkan kadar bayaran balik pinjaman kurang daripada 30 peratus agak membimbangkan.

Ketua Pemuda MCA Sabah, Roger Yapp berkata, isu itu tidak boleh dipandang remeh, terutamanya bagi pelajar Sabah, khususnya dari kawasan pedalaman yang sering kali berhadapan dengan cabaran kewangan yang lebih besar berbanding rakan-rakan mereka di Semenanjung.

“Perlu diakui bahawa Sabah dan Sarawak sering kali terpinggir dalam dasar pendidikan nasional yang tidak mengambil kira perbezaan sosioekonomi antara wilayah-wilayah ini dengan Semenanjung Malaysia.

“Pendapatan isi rumah di Sabah, terutamanya di kawasan pedalaman, jauh lebih rendah dan oleh itu, akses kepada pendidikan tinggi menjadi lebih mencabar, katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Behau berkata, menghentikan pembiayaan PTPTN hanya akan memburukkan lagi ketidaksetaraan ini dan menyekat peluang generasi muda dari Sabah untuk mencapai pendidikan tinggi.

Selain itu katanya, harus difahami bahawa kadar bayaran balik pinjaman yang rendah tidak semestinya mencerminkan ketidakprihatinan peminjam tetapi lebih kepada keadaan ekonomi yang tidak menentu.

“Ramai graduan menghadapi cabaran mendapatkan pekerjaan yang stabil dan bergaji lumayan dan ini lebih ketara bagi mereka yang berasal dari Sabah.

“Oleh itu, adalah tidak adil untuk menghentikan pembiayaan PTPTN atas dasar ini tanpa melihat kepada punca sebenar masalah itu,” katanya.

Sebagai langkah alternatif, beliau memohon Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan cadangan Premier Sarawak yang mencadangkan pendidikan uni versi percuma mulai 2026.

Katanya, sekiranya cadangan ini boleh direalisasikan, maka barulah boleh dibincangkan tentang pemansuhan PTPTN.

Namun sehingga itu katanya, PTPTN harus dikekalkan untuk memastikan akses kepada pendidikan tinggi yang adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia, termasuk mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

46" Saya juga menyeru Kerajaan Pusat agar lebih peka terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dari Sabah dan memastikan bahawa sebarang keputusan yang diambil tidak hanya berpusatkan kepada kehendak dan situasi di Semenanjung sahaja.

66 Pendidikan adalah hak semua rakyat Malaysia dan usaha harus dilakukan untuk memastikan bahawa setiap individu diberikan peluang yang sama rata untuk mencapai kejayaan akademik dan kemajuan diri,” katanya..